

TEKS UCAPAN

YANG BERTHORMAT

PEHIN ORANG KAYA SERI KERNA DATO SERI SETIA (DR)

HAJI AWANG ABU BAKAR BIN HAJI APONG

MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI

MAJLIS MAKAN TAHUN 2019

PERSATUAN MELAYU KEDAYAN (PEMADAYAN)

Pada Hari Ahad, 21 Jamadilawal 1440 bersamaan 27 Januari 2019

9.00 pagi

Dewan Sekolah Rendah Jerudong

Negara Brunei Darussalam

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ ،
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ

Yang Mulia Awang Haji Zainal Abidin bin Tinggal, Yang Di-Pertua
Persatuan Melayu Kedayan (Pemedayan).

YB Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, Menteri Pelajaran dan
Inovasi Sabah dan selaku Presiden Persatuan Kadayan Sabah
(PAADIAN).

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka
Awg Hj Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Hj Abd
Rahim, Selaku Penasihat Pemedayan.

Yang Berhormat Awang Haji Sabli bin Arsad, Ahli Majlis Mesyuarat
Negara.

YB Awang Ripin bin Haji Lamat, Ahli Dewan Undangan Negeri
Kawasan Lambir Merangkap Pengerusi Persatuan Kedayan Sibuti.

Yang Mulia Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Yang Mulia Timbalan-
Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Mulia Dhif-Dhif yang dihormati,

Yang Mulia Penghulu-Penghulu, Ketua-ketua Kampong, Ahli-Ahli
Persatuan Pemedayan.

dan para hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Kita bersyukur Kehadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya jua kita dapat hadir di Majlis Makan Tahun anjuran Persatuan Melayu Kedayan pada pagi ini.
2. Saya sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Majlis Makan Tahun Persatuan Melayu Kedayan (Pemedayan) ini kerana dapat mengungkayahkan Majlis Makan Tahun 2019 ini. Majlis ini bukan sahaja dapat menghidupkan lagi satu acara atau budaya yang biasa dilaksanakan oleh ethnik Melayu Kedayan pada suatu masa dahulu tetapi majlis ini juga sangat signifikan dalam usaha untuk merapatkan lagi hubungan silaturrahim dikalangan penduduk Kampong dan Mukim khasnya dan masyarakat di negara ini am nya.
3. Usaha untuk memupuk dan memelihara perpaduan hidup masyarakat Kampong dan Mukim adalah sangat digalakkan terutamanya dalam kita berhadapan dengan perubahan dan cabaran hidup pada masa ini. Mobilisasi atau penghijrahan geografi kerana pekerjaan atau sebab-sebab lain adalah salah satu faktor yang menjadikan keluarga besar bertambah kecil. Perkumpulan sebagai keluarga besar hanya mungkin dapat diadakan dihujung minggu atau waktu tertentu sahaja. Jika tidak ditangani dengan bijak, mungkin sahaja trend ini akan dapat melemahkan kekukuhan masyarakat dan menjejaskan fabrik dan struktur sosial masyarakat.

4. Perkara utama yang menjadi asas kepada perpaduan hidup Kampong dan Mukim ialah perpaduan hidup keluarga. Perpaduan dan kekukuhan hidup keluarga akan menjadi asas kepada kekukuhan dan perpaduan hidup masyarakat Kampong dan Mukim. Kerana itu kita mestilah berusaha untuk mengukuhkan institusi keluarga supaya akan terus tetap kukuh, utuh dan terpelihara.

5. Menyedari akan mustahaknya mengukuhkan institusi keluarga ini, pihak Kerajaan telah mengambil inisiatif melaksanakan Program atau Sambutan Hari Keluarga pada setiap bulan Mei sebagai salah satu lagi wadah kebangsaan untuk menggalakkan dan memupuk keharmonian hidup berkeluarga. Kita sangat-sangat menghargai akan sambutan penduduk-penduduk di beberapa buah Mukim dan Kampong di negara ini yang bersama-sama melaksanakan aktiviti atau rancangan hari keluarga.

6. Dalam hubungan inilah Majlis Perundingan Kampong dan Mukim hendaklah bersama-sama berusaha mengukuhkan program dan aktiviti yang dapat melibatkan penyertaan semua peringkat masyarakat khususnya para belia. Satu daripada inisiatif yang dapat digerakkan oleh Majlis-Majlis Perundingan Kampong dan Mukim ialah rancangan Satu Kampong Satu Keluarga iaitu rancangan pemedulian terhadap keluarga yang memerlukan sokongan dan bantuan dalam berbagai bentuk termasuk sokongan moral dan pendidikan. Ini adalah juga bagi memastikan keluarga berkenaan tidak akan tersisih atau terpinggir.

7. Kita menaruh harapan besar kepada belia Kampong dan Mukim yang mempunyai potensi untuk menyumbang kepada kegiatan Kampong dan Mukim dan sekali gus dapat menjadi *catalyst* untuk mengeratkan hubungan masyarakat di dalamnya. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan Daerah mengalu-alukan penyertaan aktif para belia Kampong dan Mukim dalam menggerakkan rancangan-rancangan berkebijakan diperingkat Kampong dan Mukim bagi mencapai tujuan ini iaitu mengujudkan perpaduan masyarakat.
8. Kita di negara ini wajib bersyukur kehadiran Allah S.W.T kerana di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita telah dapat hidup dalam keadaan aman, tenteram dan sejahtera, suatu nikmat kurnia Allah S.W.T.

Oleh itu adalah wajar untuk setiap anggota masyarakat bertanggungjawab mengekal dan mempertahankan keadaan ini, mempertahankan jalinan hidup masyarakat yang bersatu padu.

9. Perpaduan Masyarakat adalah salah satu dari KPI bagi mencapai matlamat "Masyarakat Yang Bersatu Padu dan Berdaya Tahan" iaitu matalamat Wawasan 2035.

Asas kejayaan membina masyarakat yang bersatu padu dan berdaya tahan adalah anggota masyarakat sendiri. Kecuali anggota masyarakat secara individu, keluarga dan kumpulan mempunyai jati diri, kukuh dan mengamalkan sikap bersatu padu, kita tidak mungkin akan dapat mencapai objektif ini di tahun 2035. Semua institusi

sosial dari unit kecil keluarga kepada institusi sosial yang lebih besar adalah sama-sama bertanggungjawab memikul beban ini.

10. Dalam hubungan ini saya mengharapkan semua lapisan kepimpinan masyarakat di peringkat Mukim dan Kampong dan kepimpinan dalam organisasi-organisasi tertentu di peringkat Mukim dan Kampong akan dapat bekerjasama merealisasikan matalamat Wawasan 2035 ini demi kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk negara ini. Kepada Persatuan Pemedayan, saya berkeyakinan aktiviti Makan Tahun 2019 ini adalah satu daripada beberapa rangkaian inisiatif yang dirancang oleh Persatuan ini dalam sama-sama mendokong matalamat melahirkan masyarakat yang Bersatu Padu dan Berdaya Tahan. Saya percaya kegiatan yang dilaksanakan oleh Persatuan Pemedayan ini khasnya dalam memupok perpaduan masyarakat akan dapat dicontohi oleh persatuan-persatuan lain di negara ini.

11. Dengan melafazkan kalimat Bismillah hirrahman nirrahim dan selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, saya lancarkan Majlis Makan Tahun 2019 Persatuan Pemedayan, Negara Brunei Darussalam.

Sekian,

Wabilahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.